

Teknologi canggih bentuk generasi muda antisosial

Teknologi canggih menjadikan manusia semakin mudah melakukan semua pekerjaan pada masa kini. Seperti yang kita ketahui, teknologi hari ini meningkat dengan pelbagai jenis bentuk dan kecanggihannya. Ia memudahkan segala urusan dan menjimatkan tenaga kerja manusia.

Namun, di sebalik kecanggihan teknologi yang kita peroleh itu, tidak semua menjanjikan kesan positif kepada masyarakat. Ia juga satu faktor utama kepada sesetengah golongan mendapat 'penyakit' yang boleh mengundang kesan negatif pada masa akan datang.

Golongan yang dimaksudkan itu adalah golongan remaja dan kanak-kanak. Remaja mudah terjebak gejala sosial seperti penagihan dadah, merokok dan hubungan terlarang sehingga melahirkan anak luar nikah.

Tidak hormat orang tua

Kebelakangan ini pula remaja muncul dengan 'penyakit' yang membimbangkan golongan tua iaitu penyakit 'antisosial' menyebabkan golongan tua tidak lagi dihormati dan anak muda tidak memberi salam atau bersalaman jika berjumpa di khalayak ramai ataupun di majlis keramaian.

Kecanggihan ini turut menjadikan mereka lebih banyak bersendirian dan berinteraksi bersama gajet seperti telefon



Kecanggihan teknologi menjadikan generasi muda membuai perasaan sendiri dengan gajet masing-masing walaupun pada zahir berada dalam kumpulan.

[GAMBAR HIASAN]

bimbit, tablet dan komputer riba berbanding masyarakat sekeliling.

Jika dilihat kesan dan pengaruh teknologi telekomunikasi kepada manusia, seharusnya gajet membantu mendekatkan yang jauh dan mengecilkan jurang perbezaan antara manusia.

Namun, perkembangan teknologi ini turut mengalpa dan melalaikan generasi Y ini kepada alam sekeliling sehingga terbentuknya budaya antisosial, individualistik dan

tidak mesra dengan orang di sekeliling mereka.

Malaysia berada pada kedudukan ke-19 dengan jumlah pengguna Facebook sebanyak 13.22 juta daripada 28 juta penduduk. Statistik ini berdasarkan jumlah pengguna Facebook dalam senarai 50 negara utama di dunia sehingga Oktober 2012.

Tidak peduli orang lain

Jelas, teknologi komunikasi canggih membentuk suasana tidak mempedulikan orang lain. Dunia alam maya seperti lebih

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel:

**bhforum@
bh.com.my**

menghiburkan dan mudah mengetahui perkembangan terkini di dunia sehingga sanak-saudara yang berkunjung ke rumah tidak dipedulikan oleh anak-anak muda.

Suasana tidak bertegur sapa dan bermesra dengan rakan sepejabat dan jiran sebelah rumah mungkin berpunca daripada latar belakang keluarga dan pergaulan sosial mereka yang terbatas.

Apabila berinteraksi di dunia siber, mereka boleh dilabelkan antara golongan hebat dalam mengeluarkan hujah.

Penyakit ini juga menjadi trend, apabila mereka bersama rakan-rakan sekalipun, gajet tetap tidak boleh dilepaskan. Malah, Universiti Kyoto, Jepun, menyediakan meja makan 'Bocci Seki' untuk pelajar yang mahu bersendirian.

Langkah pencegahan perlu diambil untuk mengurangkan permasalahan ini. Semua pihak perlu memikirkannya.

**Aida Huzzlienda
Mohd Zulkifli,**

Universiti Sains Islam Malaysia